



---

**SURAT PEKELING KEWANGAN  
BILANGAN 10 TAHUN 2020**

---

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN  
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) :**

**BAHAGIAN TADBIR URUS KEWANGAN UNIVERSITI  
(TU), BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN  
UNIVERSITI (PU) DAN BAHAGIAN PENGURUSAN  
WANG UNIVERSITI (PW)**

**Pejabat Bendahari**  
7 September 2020

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 10 ( 10 )

7 September 2020

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2020

### **PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) : BAHAGIAN TADBIR URUS KEWANGAN UNIVERSITI (TU), BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI (PU) DAN BAHAGIAN PENGURUSAN WANG UNIVERSITI (PW)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Tadbir Urus Kewangan Universiti (TU), Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) dan Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 berkaitan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.2 PKPU ini terdiri daripada enam (6) bahagian iaitu :
  - 2.2.1 Bahagian Tadbir Urus Kewangan;
  - 2.2.2 Bahagian Pengurusan Bajet;
  - 2.2.3 Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti;
  - 2.2.4 Bahagian Pengurusan Aset Universiti;
  - 2.2.5 Bahagian Pengurusan Wang Universiti; dan
  - 2.2.6 Bahagian Pelaburan Strategik.

2.3 Terdapat 2 (dua) peraturan pindaan yang ditambah baik oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu seperti berikut :

2.3.1 Pada 29 Mei 2020, Universiti telah mengeluarkan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 32 Tahun 2020 iaitu Penstrukturan Semula Pejabat/Pusat Di Bawah Penolong Naib Canselor (Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti) UTeM dan menyebabkan perubahan Pihak Berkuasa terhadap Perolehan Kerja dan Perunding di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti) serta Pejabat Pembangunan; dan

2.3.2 Universiti telah menambah baik peraturan berkaitan keraian rasmi dan kadar penyediaan makanan dan minuman Universiti.

2.4 Peraturan di para 2.3 di atas telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2020 dan Bil. 3/2020 pada 2 Jun 2020 dan 9 Julai 2020 masing-masing, seterusnya telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2020 pada 19 Ogos 2020.

2.5 Sehubungan dengan perkara di atas, PKPU telah dipinda seperti di para 3.0.

### **3.0 PEMAKAIAN**

3.1 Pindaan di bawah Bahagian Tadbir Urus Kewangan Universiti (TU) adalah seperti berikut :

#### **3.1.1 BAB A : GOVERNAN**

##### **Lampiran 1 Manual Had Kuasa Kewangan PKPU**

###### **Pengurusan Perolehan**

- No. 17 : Meluluskan Perolehan Tender
- No. 18 : Meluluskan Perolehan Sebut Harga Universiti
- No. 20 : Meluluskan Perolehan Terus PTj (Bekalan, Perkhidmatan & Kerja)
- No. 24 : Pelepasan Bon Pelaksanaan Bagi Kerja

3.2 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti (PU) adalah seperti berikut :

**3.2.1 BAB C : KAEDAH PEROLEHAN KERJA UTeM**

**3.0 - Sebut Harga Perolehan Kerja**

**4.0 - Tender Kerja**

**6.0 - Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerja UTeM**

**3.2.2 BAB I : GARIS PANDUAN PEROLEHAN PERUNDING BAGI PROJEK ATAU KAJIAN KERAJAAN UNTUK UTeM**

**1.0 - Perolehan Perunding Secara Am**

3.3 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Wang Universiti (PW) adalah seperti berikut :

**3.3.1 BAB F : PEMBAYARAN**

**5.0 - MAJLIS RASMI UNIVERSITI**

**5.1 Peraturan Mengenai Keraian Rasmi Dan Kadar Penyediaan Makanan Dan Minuman Universiti**

3.4 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **19 Ogos 2020**.

3.5 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari.

Sekian, harap maklum.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

*RA/UGP/SPK Pindaan PKPU3*